

LEMBARAN PENERANGAN PRODUK

Sila baca dan fahami Lembaran Penerangan Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk memohon kemudahan Pindahan Baki.

**PINDAHAN BAKI**

Tarikh: 01 Oktober 2022

1. Apakah Pindahan Baki?

Pindahan Baki ialah program di mana Pemegang Kad Utama boleh memohon untuk memindahkan baki tunggakan daripada kad kredit bank lain seperti penyata kad kredit terkini ke Kad Kredit BSN dengan kadar faedah/yuran pengurusan yang lebih rendah.

2. Apakah faedah yang saya dapat daripada produk ini?

- Penjimatan daripada Caj Kewangan / Yuran Pengurusan Biasa (11% - 17.5% setahun)
- Menggabungkan penyata kad kredit lain ke dalam satu penyata.
- Kemudahan membuat pembayaran melalui myBSN atau cawangan Bank Simpanan Nasional.

Kadar faedah/yuran yang ditawarkan

PELAN	BA	BB	BC	BD	BE
Tempoh	6 bulan	12 bulan	24 bulan	36 bulan	48 bulan
Kadar/Yuran	-	-	3.99% setahun	3.99% setahun	4.99% setahun
Yuran Sekali Bayar	1.99%	3.99%	-	-	-
Amaun Pindahan Minima (RM)	RM 500	RM 500	RM 1,000	RM 2,000	RM 3,000
Langgan Kredit Shield	Pilihan				
Amaun Pindahan Maksima (RM)	Maksimum 80% daripada had kredit / hak kemudahan yang ada				
Pengiraan Kadar /Yuran	Pengiraan Kadar Faedah/Yuran berdasarkan pengiraan terus $\frac{\text{Amaun Pokok (P)} + [(\text{P} \times \text{Kadar Faedah/Yuran} \times \text{Tempoh Tahun})]}{\text{Tempoh Bulan}}$				
Penyelesaian Awal	Baki Amaun Pokok (P) + 1 bulan faedah/yuran				

* Yuran sekali bayar ke atas setiap amaun yang diluluskan dan akan dibilang ke dalam penyata kad kredit untuk bulan akan datang.

* Kadar di atas sah bagi pemohonan baru dari 1st Oktober 2022.

* Kadar bagi pelanggan sedia ada merujuk kepada kadar yang telah diluluskan.

Permohonan Pindahan BakiUntuk memohon

- Log masuk ke www.bsn.com.my
- Pilih "Cards"
- Pilih "BSN Balance Transfer Programme"
- Pilih "Apply Balance Transfer"
- Ikuti langkah seterusnya untuk memohon Pindahan Baki

Hantarkan permohonan Pindahan Baki ke cawangan Bank Simpanan Nasional yang terdekat di seluruh negara

atau

Emel

Lengkapkan borang Pindahan Baki dan emel ke cardservices@bsn.com.my

3. Apakah tanggungjawab saya?

- Ansuran bulanan anda : RM _____
- Cara pengiraan ansuran bulanan adalah seperti berikut:

$$\frac{\text{Amaun Prinsipal (P)} + [(\text{P} \times \text{Kadar Faedah/Yuran} \times \text{Tempoh Tahun})]}{\text{Bilangan Bulan Tempoh bayaran}}$$

4. Apakah yuran dan caj yang perlu saya bayar?

Yuran upfront sekali bayar sebanyak 1.99% keatas amaun yang diluluskan akan dikenakan untuk Pindahan Baki bagi tempoh 6 bulan dan 3.99% keatas jumlah yang diluluskan untuk Pindahan Baki bagi tempoh 12 bulan.

5. Bagaimana jika saya gagal memenuhi tanggungjawab saya?

Caj Kewangan Yuran Pengurusan Biasa 11%-17.5% setahun akan dikenakan ke atas baki ansuran bulanan jika bayaran ansuran bulanan tidak dibayar penuh pada bulan tersebut sehingga ansuran bulanan tersebut dibayar penuh. Pelan ansuran Pindahan Baki yang diluluskan pada 1hb Oktober 2022 dan seterusnya, ansuran bulanan yang pertama akan dikenakan pada 1(satu) hari selepas pelan ansuran diluluskan. Anda dikehendaki membayar amaun ansuran bulanan yang penuh sebelum tamat tempoh pembayaran penyata anda.

6. Bagaimana jika saya membuat bayaran penuh sebelum tempoh matang?

Sila emel permohonan pembatalan ke cardservices@bsn.com.my atau hubungi Pusat Khidmat pelanggan BSN 1300 88 1900. Anda perlu membayar baki tunggakan penyelesaian awal dengan segera. Caj kewangan kad kredit akan berkuatkuasa ke atas baki tertunggak termasuk tunggakan pokok dan caj kewangan yang dikenakan pada bulan tersebut.

7. Apakah risiko utama?

- i. Bayaran ansuran bulanan haruslah dibayar sepenuhnya sebelum tarikh akhir pembayaran pada bulan tersebut. (Sila pertimbangkan kemampuan bayaran balik sebelum memohon kemudahan Pindahan Baki)
- ii. Caj Kewangan / Yuran Pengurusan Biasa 11%-17.5% setahun akan dikenakan ke atas baki ansuran bulanan jika bayaran ansuran bulanan tidak dibayar penuh pada bulan tersebut.
- iii. Jika anda mempunyai masalah pembayaran kad kredit, hubungi kami untuk berbincang cara pembayaran yang lain.

8. Apakah yang perlu diakukan sekiranya terdapat perubahan pada butiran maklumat saya?

Adalah penting untuk memaklumkan kepada kami sebarang perubahan dalam butiran hubungan anda untuk memastikan semua surat-menyurat atau panggilan telefon dapat menghubungi anda tepat pada masanya. Sila hubungi kami di 1300 88 1900 untuk menukar maklumat hubungan anda. Sebagai alternatif, anda boleh menukar maklumat hubungan anda dengan melawat kami di mana-mana cawangan BSN di seluruh negara.

9. Di mana saya boleh mendapatkan maklumat lanjut?

Sila rujuk di laman sesawang www.bsn.com.my

Untuk sebarang pertanyaan, sila hubungi:

Tel: 1300 88 1900

Emel: cardservices@bsn.com.my

NOTA PENTING: TINDAKAN UNDANG-UNDANG BOLEH DIAMBIL TERHADAP ANDA JIKA ANDA TIDAK MENERUSKAN BAYARAN PINDAHAN BAKI.

Informasi yang diberikan pada lembaran penerangan produk ini sah dari 01 Oktober 2022.